

02/11/2000

Pas mula terasa bahang politik balas dendam

Putera Kajang

BENARLAH kata pepatah, ada ubi ada batas, ada hari boleh balas, apabila Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu, Datuk Senara Muda Mazlan Hashim memberi amaran kepada kakitangan kerajaan negeri itu bahawa mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib termasuk didakwa mengikut Akta Rahsia Rasmi (OSA) jika berterusan membocor rahsia kerajaan pimpinan Pas.

Persoalannya, mengapa terjadi demikian. Sebelum ini orang sama juga mengeluarkan arahan supaya kakitangan kerajaan negeri mencurahkan kesetiaan kepada majikan baru (Pas) sejak mengambil alih teraju pemerintahan pada November tahun lalu. Semua ini timbul gara-gara sudah ada penolakan dari dalam.

Mazlan juga dilaporkan turut mencabar kakitangan yang tidak dapat memberi kerjasama supaya meletak jawatan.

Demikianlah Pas yang mula terasa bahang politik balas dendam, fitnah dan benci membenci ciptaan mereka dalam gelombang siasah paling hangat bermula 2 September 1998, hampir meragut sebuah negara yang dibina dengan keringat dan air mata sejak lebih 50 tahun lalu.

Pemimpin Pas seolah-olah terlupa apabila sesuatu dimiliki menerusi paksaan, ugut dan pijak kepala untuk naik, keadaan serupa pasti akan berlaku tindak balas.

Pas tidak perlu lupa bagaimana menerusi ceramah road show ia menanam bibit kebencian, menghasut kakitangan kerajaan termasuk guru antara yang paling ramai, supaya menentang kerajaan kononnya taghut, zalim dan tidak Islam.

Juga dilaporkan bagaimana guru mempengaruhi murid termasuk di kelas Tadika, Taska dan Taski supaya membenci dan memijak gambar pemimpin kerajaan, khususnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemimpin Pas mungkin boleh mencuci tangan mengatakan bukan mereka secara peribadi yang menyuruh tetapi ia tidak boleh ketepikan fakta bahawa ceramah mereka yang penuh dengan retorik mencetuskan fenomena itu.

Apabila Dr Mahathir meminta kepemimpinan Pas usah menghasut dan berkempen secara buruk, mereka memekik bahawa kakitangan kerajaan juga ada hak untuk menentukan arah politik pilihan mereka.

Maka isu hak asasi manusia mula dipolemik dan Pas sekali lagi terlupa bahawa setiap hak kita, ada hak orang lain di dalamnya. Ia sama seperti gaji, bukan semua milik kita kerana di dalamnya ada sedikit yang perlu dibayar sebagai zakat atau cukai atau lebih enak disebut kharaj.

Sekarang apabila sudah terkena batang hidung sendiri, Pas mula melatah sedangkan satu ketika dulu menentang OSA adalah salah satu agenda Pas, selain Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan isu tol yang sekarang khabarnya sanggup membina sendiri sekiranya Kerajaan Persekutuan enggan meneruskan projek Lebuh raya Pantai Timur.

Penyakit balas dendam ini amat sukar untuk dibendung apabila kita sudah memulakannya.

Walaupun Islam sangat melarang dan saya percaya Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, Mursyidul Am, Datuk Nik Aziz Nik Mat dan Menteri Besar Terengganu, Abdul Hadi Awang sangat memahami perkara ini, tetapi ia telah menjadi pilihan orang kita. Hanya mereka ini boleh meredakan keadaan.

Tepuk dahi tanya akal kerana akal sering dikaitkan dengan iman. Iman pula selalu menyeru kepada kebaikan, persaudaraan dan perpaduan. Usah tepuk dada tanya selera kerana selera itu nafsu dan nafsu yang tidak terkawal selalunya dikaitkan dengan syaitan.

Syaitan tidak boleh dibuat kawan dalam apa jua keadaan. Hanya bomoh ilmu hitam suka berkawan dengan makhluk yang dilaknat Allah ini.

Bola kini berada di kaki tok guru. Terpulanglah sama ada mahu menendang ke pintu gol sendiri atau ke gawang lawan.